

# ***EUFEMISME KEMATIAN DALAM AL-QURAN: SATU PENGENALAN***

Oleh:

Sabirin Yusoff<sup>1</sup>  
Siti Nurwanis Mohamed<sup>2</sup>  
Siti Nuroni Mohamed<sup>3</sup>

## **Abstrak**

*Kematian adalah fenomena yang pasti dialami oleh setiap makhluk hidup, namun sering kali disertai dengan ketakutan dan kebingungan. Al-Quran memberikan panduan mendalam mengenai kematian melalui istilah-istilah eufemisme seperti “wafat”, “ajal”, “ruju’”, dan “barzakh”. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis istilah-istilah tersebut, memahami konteks dan makna di sebaliknya, serta penggunaan istilah-istilah ini membentuk persepsi umat Islam terhadap kematian. Metodologi yang digunakan meliputi analisis teks, kajian semantik, dan perbandingan tafsir klasik dan moden. Hasil kajian menunjukkan bahawa istilah-istilah ini tidak hanya berfungsi sebagai pengganti kata “kematian”, tetapi juga sebagai alat untuk menanamkan kesedaran spiritual dan*

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan.

<sup>2</sup> Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan.



*mempersiapkan umat Islam untuk kehidupan selepas kematian. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep kematian dalam perspektif Islam, diharapkan umat Islam dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.*

**Kata Kunci:** *Kematian, Eufemisme, al-Quran, Kesedaran Spiritual*

## PENDAHULUAN

Kematian merupakan satu fenomena yang pasti dialami oleh setiap makhluk hidup, namun ia sering kali menjadi sumber ketakutan dan kebingungan dalam kalangan manusia. Dalam konteks Islam, al-Quran sebagai wahyu Ilahi memberikan panduan yang mendalam mengenai kematian, bukan sahaja dari segi realiti fizikal, tetapi juga melalui dimensi spiritual yang melibatkan perjalanan jiwa selepas hayat di dunia.

Salah satu ciri penting dalam al-Quran membicarakan kematian adalah penggunaan *eufemisme*, iaitu bahasa yang lebih lembut dan berhemah untuk menggantikan istilah yang mungkin dianggap kasar atau menyakitkan. Menurut Allan dan Burridge, *eufemisme* berfungsi sebagai alat komunikasi untuk menukar ungkapan yang sensitif kepada yang lebih sopan dan mudah diterima.<sup>4</sup> Dalam konteks ini, istilah *eufemisme* dalam al-Quran seperti “wafat”, “ajal”, “ruju”, dan “barzakh” bukan sahaja memperhalus perkataan “kematian”, tetapi juga membawa makna tersirat yang mendalam dan bermanfaat untuk kesedaran spiritual umat Islam.

---

<sup>4</sup> Allan, Keith, dan Kate Burridge. (1991). *Euphemism and Dysphemism: Language Used as Shield and Weapon*. New York: Oxford University Press, hlm. 1-2





Walaupun *eufemisme* kematian telah dibincangkan secara umum dalam kajian linguistik dan bahasa, kajian khusus yang meneliti istilah-istilah ini dalam konteks al-Quran dan bagaimana ia membentuk persepsi serta pemahaman umat Islam terhadap kematian masih kurang mendapat perhatian secara mendalam. Beberapa kajian terdahulu menegaskan bahawa penggunaan istilah *eufemisme* dalam al-Quran berperanan dalam mengubah perspektif kematian daripada sesuatu yang menakutkan kepada satu perjalanan rohani yang bermakna.<sup>5</sup> Selain itu, *eufemisme* juga membantu mengurangkan rasa takut terhadap kematian dengan menanamkan makna spiritual yang positif.<sup>6</sup>

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis istilah-istilah *eufemisme* kematian dalam al-Quran dengan lebih sistematik, mengkaji konteks penggunaannya, serta meneliti tafsir klasik dan moden untuk memahami makna yang tersembunyi di sebalik istilah tersebut. Dengan pendekatan ini, kajian diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana penggunaan bahasa dalam al-Quran tidak hanya memperhalus pemahaman tentang kematian, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menanam kesedaran spiritual dan persiapan menghadapi kehidupan selepas kematian.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pendekatan utama yang digunakan adalah analisis teks, yang bertujuan untuk menyelami ayat-ayat al-Quran

---

<sup>5</sup> Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, dan Zulazhan Ab. Halim. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme dalam al-Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 47–61.

<sup>6</sup> Nasimah Abdullah. (2018). Eufemisme dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Satu Tinjauan. Dalam *Proceedings of the 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018*. Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College Selangor, hlm. 258–269.





yang berkaitan dengan *eufemisme* kematian. Langkah pertama melibatkan pengenalanpastian ayat-ayat yang mengandung unsur tersebut, melalui rujukan sumber berotoriti seperti *Mu'jam Mufahras li Alfaz al-Qur'an* oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Setelah itu, analisis dilakukan dengan meneliti konteks turunnya ayat (*asbab al-nuzul*) menggunakan kitab tafsir klasik seperti *Tafsir al-Jalalayn* dan *Tafsir Ibn Kathir*.

Selanjutnya, kajian semantik diadakan untuk menggali makna asal istilah-istilah dalam bahasa Arab, dengan merujuk kepada sumber seperti *Arabic-English Dictionary* oleh Hans Wehr. Di samping itu, kajian perbandingan antara tafsir klasik dan moden, termasuk *Tafsir al-Qurtubi* dan *Fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb memberikan perspektif yang lebih luas.

Akhir sekali, analisis figuratif terhadap istilah-istilah berkaitan bagi membolehkan kita memahami dimensi simbolik dan falsafah yang mendalam di sebalik penggunaan *eufemisme* ini. Dengan pendekatan yang holistik ini, kajian ini berusaha untuk memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang cara kematian diungkapkan dalam teks suci, serta implikasinya terhadap pemahaman spiritual dan budaya masyarakat.

## HASIL KAJIAN

### 1.1 Definisi dan Konsep Eufemisme

*Eufemisme* berasal daripada bahasa Yunani, dengan akar kata *eu* yang bermaksud “bagus” dan *phemeo* yang bermaksud “berbicara.” Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan *eufemisme* sebagai ungkapan yang lebih lembut, sopan, atau manis



untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar, seperti “buang air kecil” untuk “kencing”.<sup>7</sup>

Menurut Allan dan Burridge, *eufemisme* merujuk kepada penggunaan ungkapan yang lebih halus dan sopan bagi menggantikan istilah yang berpotensi menyinggung perasaan atau kurang menyenangkan.<sup>8</sup> Teo Kok Seong, Gorys Keraf, Chi Ren, dan Hou Yu senada dalam menjelaskan *eufemisme* merujuk kepada penggunaan perkataan atau ungkapan yang lebih sedap didengar dan tidak berterus terang, yang bertujuan untuk menggantikan sesuatu yang dianggap kesat atau menjelikkan.<sup>9</sup> Selain itu, penggunaan *eufemisme* tidak hanya terhadap mengelakkan atau menutupi sesuatu yang tidak baik, tetapi juga untuk menunjukkan kehalusan budi. Sebagai contoh, istilah “orang balai” dan “orang dapur” digunakan untuk merujuk kepada bayi lelaki dan bayi perempuan yang baru lahir.<sup>10</sup>

Istilah berkaitan kematian dalam al-Quran bukan sekadar menggantikan kata *kematian*, tetapi turut berperanan dalam membentuk pemahaman terhadap konsep *eufemisme* dalam

<sup>7</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Eufemisme>.

<sup>8</sup> Allan & Burridge. (1991). *Euphemism*, hlm. 1-2; dan Syamsul Bahri. (2012). Eufemisme Bahasa Minangkabau Dialek Pariaman. *Jurnal Bahas Unimed*, 2012, hlm. 3.

<sup>9</sup> Teo Kok Seong. (1995). Tahu Bahasa/Tak Tahu Bahasa: Persoalan Bahasa, Budaya dan Komunikasi. Dalam Hanapi Dollah & Lokman Mohd. Zen (pnyt.), *Kebudayaan Melayu Baru di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*, hlm. 274-287. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia; Gorys Keraf. (2009). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Gramedia Pustaka Utama, hlm. 30; dan Chi Ren, & Hou Yu. (2013). Euphemism from Sociolinguistics Perspective. *Studies in Sociology of Science*, 4(4), hlm. 45-48.

<sup>10</sup> Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 166; Ahmad Mahmood Musanif, dan Arbak Othman. (2010). *Fail Sosiolinguistik*. Selangor: Nusabuku Enterprise, hlm. 21; dan Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme Dalam Novel Jalan Retakkarya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), hlm. 88-101.



konteks keagamaan dan linguistik. Luqman dan Zulazhan menegaskan bahawa istilah seperti *wafat* dan *ajal* mencerminkan perspektif Islam yang lebih positif terhadap kematian sebagai suatu peralihan ke alam yang lebih baik.<sup>11</sup> Sementara itu, Nasimah berpendapat bahawa *eufemisme* dalam al-Quran berperanan dalam mengurangkan ketakutan terhadap kematian dengan memberikan makna yang lebih mendalam dan spiritual kepada peristiwa tersebut. Dalam konteks ini, istilah *barzakh* digunakan bagi menggambarkan keadaan antara kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat, menekankan bahawa kematian bukan sekadar pengakhiran mutlak tetapi merupakan salah satu fasa dalam perjalanan spiritual seseorang.<sup>12</sup>

## 1.2 Analisis Istilah Utama Kematian Dalam al-Quran

Hasil kajian menunjukkan bahawa *eufemisme* kematian dalam al-Quran digunakan dengan penuh hikmah dan makna. Berikut adalah analisis terperinci berdasarkan empat (4) istilah utama yang sering ditemukan dalam ayat-ayat yang berkaitan dengan kematian:

### 1.2.1 Istilah “Wafat” (وفاة)

Istilah wafat dalam al-Quran digunakan sebagai *eufemisme* yang membawa maksud lebih lembut dan mendalam mengenai konsep kematian. Secara linguistik, ia berasal daripada akar kata wafa (وَفَى), yang bermaksud “pemenuhan”, “penyelesaian”, atau “pengambilan secara sempurna”. Penekanan ini terdapat dalam karya Hans Wehr, yang mengaitkan perkataan ini dengan kesempurnaan dalam pengambilan jiwa.<sup>13</sup> Dalam konteks al-Quran, wafat tidak hanya merujuk kepada penghentian kehidupan fizikal tetapi melibatkan

---

<sup>11</sup> Luqman, & Zulazhan. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan, hlm. 47–61.

<sup>12</sup> Nasimah. (2018). Eufemisme dalam Tafsir, hlm. 258–269.

<sup>13</sup> Hans Wehr (1976). *Arabic-English Dictionary*, Otto Harrassowitz Verlag, hlm. 425.



dimensi spiritual yang mengaitkan kembalinya jiwa kepada Allah. Al-Raghib al-Asfahani menjelaskan bahwa istilah ini mencerminkan perjalanan yang sempurna untuk memenuhi tujuan kehidupan manusia.<sup>14</sup>

Sebagai contoh, dalam Surah al-Zumar, Allah berfirman:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ  
الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ  
فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Zumar 39 : 42

Maksudnya:

*“Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: dalam masa tidurnya; kemudian Ia menahan jiwa orang yang Ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya)”.*

Ayat ini menggambarkan wafat sebagai tindakan Allah “mengambil jiwa”, yang menandakan proses spiritual yang mana jiwa manusia kembali kepada Penciptanya. Dalam Surah al-Zumar, Allah berfirman bahwa Dia mengambil jiwa pada saat kematian serta jiwa mereka yang tidur. Frasa ini menggambarkan bahwa wafat ialah perbuatan Allah untuk memisahkan jiwa dari tubuh, sama ada secara sementara (tidur) atau kekal (kematian). *Tafsir al-Jalalain* menerangkan bahwa ini adalah tanda kekuasaan dan

<sup>14</sup> Al-Raghib al-Asfahani (2006). *Mufradat Alfaz al-Qur'an*, Dar al-Qalam. hlm. 618.



hikmah Allah dalam mengatur perjalanan kehidupan manusia.<sup>15</sup> Ibn Kathir pula memperincikan bahawa proses ini menunjukkan hubungan erat manusia dengan PenciptaNya, yang mana setiap kehidupan berada dalam genggamanNya.<sup>16</sup> Sayyid Qutb pula menekankan bahawa istilah ini membawa ketenangan spiritual kerana ia mengingatkan manusia tentang pengembalian jiwa secara damai kepada Allah.<sup>17</sup>

Dalam tafsir moden seperti karya Sayyid Qutb, istilah wafat dikaitkan dengan sistem kehidupan yang sempurna, dengan erti kata lain setiap manusia akan kembali kepada Allah dengan ketundukan penuh.<sup>18</sup> Fazlur Rahman turut menegaskan bahawa kematian adalah sebahagian daripada rancangan Ilahi yang penuh hikmah dan ketenangan.<sup>19</sup> Yusuf al-Qaradawi pula menyatakan bahawa konsep ini memberikan pengertian bahawa kehidupan di dunia adalah persinggahan sementara sebelum perjalanan roh menuju ke destinasi akhir.<sup>20</sup>

Dari sudut analisis semantik, istilah wafat menggambarkan penyerahan jiwa kepada Allah secara sempurna tanpa elemen pemisahan yang kasar. Kajian linguistik oleh Toshihiko Izutsu menyoroti keunikan istilah ini yang digunakan secara berhikmah dalam al-Quran. Dengan cara ini, manusia diajak untuk memahami bahawa kehidupan dunia adalah sementara, sedangkan akhirat adalah tujuan yang kekal.<sup>21</sup> Hans Wehr turut menegaskan bahawa istilah ini memberikan konotasi positif

---

<sup>15</sup> Al-Mahalli dan Al-Suyuti (2000). *Tafsir al-Jalalayn*, Dar al-Hadith. hlm. 532.

<sup>16</sup> Ibn Kathir (2003). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Dar al-Taybah. hlm. 219.

<sup>17</sup> Sayyid Qutb (1996). *Fi Zilal al-Qur'an*, Dar al-Shuruq. hlm. 238.

<sup>18</sup> Qutb (1996). *Fi Zilal*. hlm. 238.

<sup>19</sup> Fazlur Rahman (1980). *Major Themes of the Qur'an*, University of Chicago Press. hlm. 74.

<sup>20</sup> Yusuf al-Qaradawi (2001). *Al-Iman wa al-Hayat*, Maktabah Wahbah. hlm. 45.

<sup>21</sup> Toshihiko Izutsu (2002). *Ethico-Religious Concepts in the Quran*, Islamic Book Trust. hlm. 122.





terhadap konsep kematian, menjadikan ia sebuah proses yang penuh keindahan rohani.<sup>22</sup>

### 1.2.2 Istilah “Ajal” (أجل)

Istilah ajal adalah salah satu istilah yang sering digunakan dalam al-Quran untuk merujuk kepada kematian, tetapi dengan nuansa penuh hikmah dan makna mendalam. Secara literal, ajal bermaksud “waktu yang ditentukan” atau “jangka waktu tertentu”, merujuk kepada kepastian takdir yang telah ditetapkan Allah. Hans Wehr menyebut bahawa istilah ini menunjukkan suatu tempoh yang dijanjikan, sama ada untuk kehidupan atau kematian.<sup>23</sup> Toshihiko Izutsu menegaskan bahawa ajal adalah tanda keteraturan Ilahi yang menjamin setiap ciptaan mengikut aturan yang telah dirancang.<sup>24</sup>

Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَلَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ

Surah Yunus 10 : 49

Maksudnya:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berkuasa menolak mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang ditetapkan; maka apabila tempohnya, tidak dapat mereka melambatkannya sesaatpun, dan tidak dapat mereka menyegerakannya”.*

<sup>22</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 425.

<sup>23</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 32.

<sup>24</sup> Izutsu (2002). *Ethico-Religious*. hlm. 129.



Ayat ini menjadi sumber ketenangan bagi mereka yang berduka, memberikan penegasan bahawa kematian adalah perjalanan menuju Allah SWT seperti yang telah ditetapkan. Dalam ayat ini, Allah SWT berfirman bahawa setiap umat mempunyai tempoh yang telah ditetapkan, dan apabila tiba ajalnya, tidak dipercepatkan atau dilewatkan walau sesaat. Ayat ini menegaskan bahawa ajal adalah suatu ketetapan yang pasti berlaku. Ibn Kathir dalam tafsirnya menekankan bahawa Allah menentukan waktu ini sebagai sebahagian daripada ujian kehidupan manusia untuk mempersiapkan diri menuju akhirat.<sup>25</sup> *Tafsir al-Jalalayn* pula menambahkan bahawa ayat ini adalah peringatan bahawa segala-galanya berada dalam kekuasaan Allah, termasuk perjalanan hidup dan mati manusia.<sup>26</sup>

Secara semantik, istilah ajal berasal daripada akar kata ajala (أجل), yang bermaksud “sesuatu yang dilakukan dalam tempoh tertentu”. Hans Wehr menegaskan bahawa penggunaan kata ini menggariskan kefahaman tentang ketetapan masa yang telah ditentukan oleh Allah untuk setiap makhlukNya.<sup>27</sup> Perspektif ini selari dengan penekanan Toshihiko Izutsu bahawa sistem Ilahi itu terstruktur sempurna, merangkumi semua aspek kehidupan hingga ke waktu kematian. Pandangan ini mengukuhkan konsep bahawa ajal adalah lebih daripada sekadar kematian, tetapi juga sebagai penanda kepada perjalanan takdir manusia.<sup>28</sup>

Dalam tafsir moden, Sayyid Qutb mengaitkan istilah ajal dengan kesedaran bahawa manusia harus menjalani kehidupan dengan penuh tanggungjawab, kerana waktu yang diberikan adalah

---

<sup>25</sup> Ibn Kathir (2003). *Tafsir*. hlm. 474.

<sup>26</sup> Al-Mahalli & al-Suyuti (2000). *Tafsir*. hlm. 334.

<sup>27</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 32.

<sup>28</sup> Izutsu (2002). *Ethico-Religious*. hlm. 129.





terhad.<sup>29</sup> Fazlur Rahman turut menyatakan bahawa ajal menggambarkan hubungan spiritual antara manusia dan Allah, yang mana kematian adalah sebahagian daripada perjalanan kehidupan yang sempurna.<sup>30</sup> Yusuf al-Qaradawi mengingatkan bahawa ajal adalah masa yang diatur dengan hikmah untuk manusia memperbaiki diri sebelum kembali kepada Pencipta.<sup>31</sup>

### 1.2.3 Istilah “Ruju’” (رجوع)

Istilah ruju’ dalam al-Quran membawa makna “kembali”, menggambarkan konsep bahawa manusia setelah kehidupan dunia akan kembali kepada Allah sebagai Pencipta mereka. Akar kata raja’a (رجع) membawa makna “kembali kepada keadaan asal”, seperti yang dijelaskan oleh Hans Wehr.<sup>32</sup>

Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابْتَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Surah al-Baqarah 2 : 156

Maksudnya :

*“(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.*

Ayat ini menjadi lambang pengharapan bagi mereka yang berduka, memberikan penegasan bahawa kematian adalah perjalanan menuju Allah yang telah ditetapkan. Tafsir Ibn Ashur memberikan pandangan bahawa istilah ruju’ memperlihatkan

<sup>29</sup> Qutb (1996). *Fi Zilal*. hlm. 115.

<sup>30</sup> Rahman (1980). *Major Themes*. hlm. 80.

<sup>31</sup> Al-Qaradawi (2001). *Al-Iman*. hlm. 72.

<sup>32</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 134.



perjalanan manusia sebagai sebahagian daripada rancangan Allah yang sempurna.<sup>33</sup>

*Tafsir al-Jalalayn* dan *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* memberikan pandangan mendalam terhadap frasa ruju'. Dalam kedua-dua tafsir ini, frasa tersebut menunjukkan ketundukan manusia kepada Allah dalam setiap aspek kehidupan, termasuk kematian.<sup>34</sup> *Tafsir Al-Baghawi* pula menambahkan bahawa konsep ruju' memberi peringatan kepada manusia tentang hubungan abadi antara jiwa dan Penciptanya.<sup>35</sup> Pandangan ini selaras dengan karya al-Raghib al-Asfahani yang mana beliau menghubungkan istilah ruju' dengan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah.<sup>36</sup>

Sayyid Qutb menyatakan bahawa frasa ruju' berfungsi sebagai panggilan untuk manusia menyedari bahawa kehidupan di dunia hanyalah ujian sementara menuju kehidupan abadi.<sup>37</sup> Fazlur Rahman pula memberi penekanan bahawa kesedaran akan konsep ruju' adalah dorongan untuk menjalani kehidupan dengan penuh tanggungjawab.<sup>38</sup> Selain itu, Yusuf al-Qaradawi menyampaikan bahawa istilah ini membawa manusia kepada kefahaman mendalam tentang keindahan dan hikmah dalam perjalanan hidup dan mati.<sup>39</sup>

Istilah ruju' berasal daripada akar kata raja'a (رجع), yang bermakna "kembali kepada asal".<sup>40</sup> Toshihiko Izutsu mengaitkan istilah ini dengan perjalanan spiritual manusia menuju Allah.<sup>41</sup>

<sup>33</sup> Ibn Ashur (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*, Dar al-Tunisiyyah. hlm. 221.

<sup>34</sup> Al-Mahalli & al-Suyuti (2000). *Tafsir*. hlm. 88; dan Ibn Kathir (2003). *Tafsir*. hlm. 74..

<sup>35</sup> Al-Baghawi (2002). *Ma'alim al-Tanzil*, Dar Tayyibah. hlm. 44.

<sup>36</sup> Al-Asfahani (2006). *Mufradat*. hlm. 147.

<sup>37</sup> Qutb (1996). *Fi Zilal*. hlm. 106.

<sup>38</sup> Rahman (1980). *Major Themes*. hlm. 68.

<sup>39</sup> Al-Qaradawi (2001). *Al-Iman*. hlm. 72.

<sup>40</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 134.

<sup>41</sup> Izutsu (2002). *Ethico-Religious*. hlm. 144.

Abdullah Yusuf Ali menambah bahawa penggunaan istilah ruju‘ menunjukkan bahawa kematian adalah sebahagian daripada sistem Ilahi yang penuh hikmah. Kajian ini memperlihatkan keindahan konsep kematian sebagai bahagian penting dalam hubungan manusia dengan Pencipta mereka.<sup>42</sup>

#### 1.2.4 Istilah “Barzakh” (برزخ)

Istilah barzakh dalam al-Quran digunakan untuk menggambarkan keadaan antara kehidupan dunia dan akhirat, memberikan makna transisi spiritual bagi manusia setelah kematian. Secara literal, barzakh berasal daripada akar kata Arab yang bermaksud “penghalang” atau “pemisah”,<sup>43</sup> dan istilah ini digunakan dalam al-Quran untuk menjelaskan alam peralihan yang terletak di antara dua keadaan yang berbeza.

Firman Allah SWT:

لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ ۚ كَلَّا ۗ إِنَّمَا كَلِمَةٌ هُوَ  
قَائِلُهَا يَوْمَئِذٍ وَلَئِذَا هُمْ يُنْعَثُونَ

Surah al-Mu’minun 23 : 100

Maksudnya :

*“Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)”.*

<sup>42</sup> Abdullah Yusuf Ali (2004). *The Holy Qur'an: Text, Translation, and Commentary*, Amana Publications. hlm. 307.

<sup>43</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 48.



Ayat ini menjelaskan bahawa barzakh ialah satu sempadan yang menghalang seseorang yang telah meninggal dunia daripada kembali ke dunia, sambil menunggu kehidupan akhirat. Istilah ini menggambarkan alam peralihan yang menghubungkan dua keadaan iaitu kehidupan di dunia dan kehidupan kekal di akhirat.

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa barzakh sebagai suatu alam yang eksklusif bagi roh manusia setelah kematian. Beliau menyatakan bahawa di alam ini, roh orang soleh akan menikmati nikmat Allah, manakala roh orang yang derhaka akan menerima kesakitan sebagai pendahuluan kepada azab yang lebih besar pada hari kiamat kelak. Penafsiran ini memberi tumpuan kepada realiti spiritual di alam barzakh sebagai fasa penting dalam perjalanan roh manusia.<sup>44</sup>

Sementara itu, Ibn Kathir menyatakan bahawa barzakh adalah penghalang antara dunia dan akhirat, dan ia bukan sekadar sempadan fizikal tetapi tanda jelas bahawa kehidupan dunia telah selesai. Beliau menegaskan bahawa roh manusia di alam ini tidak akan dapat kembali ke dunia walaupun dengan keinginan yang kuat.<sup>45</sup>

Menurut Sayyid Qutb, istilah barzakh dijelaskan sebagai sebahagian daripada sistem Ilahi yang menunjukkan kesinambungan antara kehidupan dunia, barzakh, dan akhirat. Beliau menegaskan bahawa kesedaran terhadap kewujudan barzakh memberikan motivasi kepada manusia untuk menjalani kehidupan dunia dengan lebih bermakna sebagai persiapan bagi alam-alam berikutnya.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> Al-Qurtubi (2004). *Tafsir al-Qurtubi*, Dar al-Hadith. hlm. 12.

<sup>45</sup> Ibn Kathir (2003). *Tafsir*. hlm. 843.

<sup>46</sup> Qutb (1996). *Fi Zilal*. hlm. 312.





Tafsiran ini sejajar dengan pandangan Yusuf al-Qaradawi yang mana beliau menekankan bahawa alam barzakh adalah fasa penting untuk roh manusia, dan kesedaran tentangnya membawa manusia kepada penghargaan terhadap peluang hidup yang diberikan di dunia.<sup>47</sup>

Dari perspektif semantik, istilah barzakh merujuk kepada suatu pemisahan yang tegas dan tidak dapat diubah. Toshihiko Izutsu menyatakan bahawa konsep barzakh membawa makna pemisahan yang sempurna antara dua alam, menunjukkan sistem Ilahi yang penuh hikmah.<sup>48</sup> Hans Wehr pula menjelaskan bahawa istilah ini secara literal menggambarkan pemisahan fizikal dan spiritual yang menghalang interaksi antara roh dan dunia.<sup>49</sup>

Kajian Abdullah Yusuf Ali menegaskan bahawa barzakh adalah peringatan bahawa kehidupan selepas kematian adalah suatu realiti yang tidak dapat dielakkan. Istilah ini sebagai *eufemisme* kematian memberikan perspektif positif terhadap hakikat kematian dan menjadikannya sebagai satu perjalanan yang mendekatkan manusia kepada Allah SWT.<sup>50</sup>

## KESIMPULAN

Makalah ini menunjukkan bahawa istilah-istilah *eufemisme* kematian dalam al-Quran, iaitu “wafat”, “ajal”, “ruju”, dan “barzakh”, tidak hanya berfungsi sebagai pengganti kata “kematian”, tetapi juga sebagai alat untuk menanamkan kesedaran spiritual dan mempersiapkan umat Islam untuk menghadapi kehidupan selepas kematian.

---

<sup>47</sup> Al-Qaradawi (2001). *Al-Iman*. hlm. 91.

<sup>48</sup> Izutsu (2002). *Ethico-Religious*. hlm. 184.

<sup>49</sup> Wehr (1976). *Dictionary*. hlm. 48.

<sup>50</sup> Yusuf. (2004). *The Holy Qur'an*. hlm. 467.



Istilah “wafat” menggambarkan kematian sebagai proses spiritual yang mana jiwa kembali kepada Allah, menekankan hubungan manusia dengan Pencipta dan memberikan dimensi metafora kepada konsep kematian. Selain itu, penggunaan istilah ini memperhalus persepsi manusia tentang kematian, menjadikannya sebagai penyempurnaan perjalanan hidup. Istilah “ajal” pula menekankan kepastian dan ketetapan takdir dalam kehidupan manusia, yang mana setiap individu mempunyai waktu yang telah ditentukan oleh Allah. Hal ini mendorong umat Islam untuk memanfaatkan waktu hidup dengan baik dan bersiap sedia untuk kehidupan akhirat. Selanjutnya, istilah “ruju” membawa makna “kembali”, yang menekankan bahawa kematian adalah perjalanan kembali kepada Allah. Istilah ini mengajak manusia untuk sentiasa mengingati asal dan tujuan hidup mereka, serta menanamkan sikap tawakal dan redha terhadap takdir. Akhirnya, istilah “barzakh” menggambarkan keadaan antara kehidupan dunia dan akhirat, memberikan makna transisi spiritual bagi manusia setelah kematian. Dengan demikian, kematian bukanlah akhir, tetapi permulaan perjalanan menuju kehidupan yang abadi.

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan istilah-istilah *eufemisme* kematian dalam al-Quran adalah suatu bentuk hikmah dan keindahan bahasa wahyu yang mendalam. Oleh itu, dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep kematian dalam perspektif Islam, diharapkan umat dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna dan penuh kesedaran spiritual.



## RUJUKAN

- Ahmad Mahmood Musanif, dan Arbak Othman. (2010). *Fail Sociolinguistik*. Selangor: Nusabuku Enterprise.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn. (2002). *Ma'alim al-Tanzil*. Dar Tayyibah.
- Al-Jalalayn, Jalal al-Din al-Mahalli & Jalal al-Din al-Suyuti. (2000). *Tafsir al-Jalalayn*. Dar al-Hadith.
- Allan, Keith, dan Kate Burridge. (1991). *Euphemism and Dysphemism: Language Used as Shield and Weapon*. New York: Oxford University Press.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ahmad. (2004). *Tafsir al-Qurtubi*. Dar al-Hadith.
- Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim. (2006). *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Dar al-Qalam.
- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chi Ren, & Hou Yu. (2013). Euphemism from Sociolinguistics Perspective. *Studies in Sociology of Science*, 4(4).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazlur Rahman. (1980). *Major Themes of the Quran*. University of Chicago Press.



Hans Wehr. (1976). *Arabic-English Dictionary*. Otto Harrassowitz Verlag.

Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. (1984). *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Dar al-Tunisiyyah.

Nasimah Abdullah. (2018). Eufemisme dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Satu Tinjauan. Dalam Proceedings of the 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018. Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College Selangor.

Sayyid Qutb. (1996). *Fi Zilal al-Qur'an*. Dar al-Shuruq.

Siti Norashikin Mohd Khalidi, dan Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme Dalam Novel Jalan Retakkarya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5(1).

